

WATIKAH PERLANTIKAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR SESI DIS 2015/2016

5. Januari. 2016 - Politeknik Jeli Kelantan



Majlis Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Jeli Kelantan disempurnakan oleh Tn. Hj. Wan Azlan bin Wan Ismail, Pengarah Politeknik Jeli Kelantan. Barisan Majlis Perwakilan Pelajar yang dilantik adalah berdasarkan sistem demokrasi pilihanraya yang telah berlangsung pada 29 Disember 2015. Barisan Majlis Perwakilan Pelajar yang dilantik adalah seramai 27 orang yang terdiri daripada 7 orang Majlis Tertinggi dan 20 orang Pengerusi Exco.

KURSUS PENGURUSAN ORGANISASI (KPO)

28 - 30 Januari. 2016 - Bukit Keluang Beach Resort, Besut Terengganu



Kursus Pengurusan Organisasi (KPO) 2016 yang telah berlangsung melibatkan MPP dan wakil kelab. Objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta mengenai cara menguruskan organisasi selain menerapkan nilai-nilai kepimpinan dalam diri peserta. Antara aktiviti yang berlangsung adalah Slot Kepimpinan Cemerlang, Penyediaan Kertas Kerja, Pengendalian Mesyuarat dan Pengucapan Awam.